

**Sulit**

Logo sekolah	Nama sekolah
--------------	--------------

**MODUL 1 2016**

**BAHASA MELAYU - PEMAHAMAN 011**

**Februari**

**1 1/4 jam**

**Satu jam lima belas minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

- 1. Kertas soalan ini mengandungi duan bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
- 2. Kamu dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam kedua-dua bahagian.*
- 3. Tiap-tiap soalan dalam **Bahagian A** diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baharu.*
- 4. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini.*

halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak di Bahagian B.

## BAHAGIAN A

### Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang *paling sesuai*.

1 “Mengapakah \_\_\_\_\_ tidak lalu bersantap sejak beberapa hari ini?” sembah Mak Inang kepada Puteri Batrisyia Ayu.

- A anda
  - B tuanku
  - C awak
  - D baginda
- 

2 Mak Tijah dan Mak Cun telah \_\_\_\_\_ semula setelah sekian lama bermasam muka akibat perselisihan faham antara mereka.

- A beramah
- B bermesra
- C berkawan
- D berbaik

3 Syazwan berasa \_\_\_\_\_ apabila melalui kawasan pokok yang berjuntai-juntai di tepi jalan yang gelap dan sunyi itu.

- A sayu
- B haru
- C gerun
- D cuak

4 “Kita \_\_\_\_\_ sampai dahulu daripada mereka jika \_\_\_\_\_ memenangi pertandingan ini,” kata Razif kepada Hadi dan Jalil.

- A akan ... belum

- B** telah.... dapat
- C** mesti... hendak
- D** mahu ... sudah

5 Puan Fatimah menghadiahkan \_\_\_\_\_ anting-anting dan \_\_\_\_\_ kalung mutiara kepada anak perempuannya.

- A** sebuah ... surat
- B** sebentuk ... seutas
- C** sepasang ... seutas
- D** sepasang ... seuntai

6 Soalan 6 berdasarkan gambar 1



Gambar 1

Ramli \_\_\_\_\_ sebidang tikar dan \_\_\_\_\_sebungkus pakaian untuk menyelamatkan diri setelah rumahnya dilanda banjir.

- |                                   |                                  |
|-----------------------------------|----------------------------------|
| <b>A</b> Membawa ... mengalas     | <b>C</b> mengelek ... menjunjung |
| <b>B</b> Membimbit ... mengangkat | <b>D</b> mengandar ... menjulang |

- 7 Puan Hanita sedang\_\_\_\_\_rambut anak kecilnya yang sedang menangis.
- A mengelus-elus
  - B menyapu-nyapu
  - C mengurut-urut
  - D menyelak-nyelak
- 8 Syarikat telekomunikasi itu menawarkan potongan harga bagi \_\_\_\_\_ yang dijual sepanjang bulan Februari.
- A kad kredit
  - B kad penanda
  - C kad pengenalan
  - D kad prabayar
- 9 Penduduk di taman perumahan itu melakukan hal masing-masing tanpa mempedulikan keadaan jiran tetangga.
- A Bagai melepaskan anjing tersepit
  - B Bagai tidur di atas miang
  - C Bagai enau dalam belukar
  - D Bagai melepaskan batok di tangga

*Pilih ayat yang menggunakan kata yang **bergaris dengan betul**.*

- 10 I Mak Leha menongkah kain batiknya dengan sehelai kain yang berwarna putih.
- II Kami terpaksa menongkah arus untuk menuju ke Taman Negara Endau-Rompin
- III Encik Sahrom menongkah dengan keluarganya untuk membawa mereka bercuti di Pulau Perhentian.

IV Pak Sudin menongkah kawasan yang becak di halaman rumah untuk memudahkan tetamu yang bertandang ke rumahnya.

A I dan II

C I, II dan III

B III dan IV

D I, II dan IV

Soalan 11 berdasarkan gambar 2 .



Gambar 2

11 Najmi \_\_\_\_\_ apabila mendengar berita tentang kemalangan yang menimpa keluarganya.

A sedih agak

B paling sedih

C sedih sungguh

D paling sedih sekali

12 “Cis, alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan!” **jerit** Datuk Maharajalela dengan lantang.

Pilih perkataan yang seerti dengan perkataan yang dihitamkan.

A raung

- B seru
- C teriak
- D panggil

13 Keris yang hulunya\_\_\_\_\_suasa ditempah khas dari Kelantan.

- A disadurkan
- B bersadur
- C menyadur
- D saduran

*Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

14 “Ayah, Majlis Motivasi Ibu Bapa akan diadakan di sekolah saya pada hari Sabtu ini,” kata Farid kepada ayahnya.

- A Farid ingin tahu daripada ayahnya tentang Majlis Motivasi Ibu Bapa yang akan diadakan pada hari Sabtu.
- B Farid memberitahu ayahnya tentang Majlis Motivasi Ibu Bapa yang akan diadakan pada hari Sabtu.
- C Farid memberitahu ayahnya tentang Majlis Motivasi Ibu Bapa yang telah diadakan pada hari Sabtu.
- D Farid meminta ayahnya menghadiri Majlis Ibu Bapa yang akan diadakan di sekolah pada hari Sabtu.

15 *Pilih ayat tanya yang sesuai dengan ayat di bawah ini.*

Ayah menasihati abang supaya memandu kereta dengan berhati-hati.

- A Apakah nasihat ayah kepada abang?
- B Mengapakah ayah menasihati abang?
- C Bagaimanakah reaksi abang terhadap nasihat ayah?
- D Siapakah yang memandu kereta dengan berhati-hati?

Pilih ayat yang *betul*.

- 16 I Maruah diri hendaklah dijaga tidak kira di mana jua kita berada.  
II Kakak menempa sepasang baju kebaya untuk dipakai di majlis hari jadinya.  
III Orang tua itu mengopek buah kelapa dengan menggunakan sebatang parang.  
IV Bekas tapak rumah setinggian itu akan dibina pangsapuri 30 tingkat.

A I dan II

C II dan III

B I dan IV

D III dan IV

**Soalan 17 - 20**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**KARNIVAL FUTSAL PALING HANGAT DI MALAYSIA**

**ANJURAN YAYASAN MURNI**

	<b>KATEGORI</b>	<b>HADIAH</b>
<b>WANG TUNAI KESELURUHAN</b>		
15 500	Terbuka Lelaki	RM
300	Terbuka Wanita	RM 11
	Lelaki Bawah 17 Tahun	RM 7 800

**Tarikh** : 3 & 4 MAC 2016

**Tempat** : Gelanggang Futsal Yayasan Murni, Yayasan Murni,  
Tangkak, Johor.

**Masa** : 8.00 pagi – 7.00 malam

**Objektif** : 1. Merapatkan masyarakat dengan anak-anak yatim di Yayasan Murni.  
2. Mengumpul dana bagi tabung penyelenggaraan Yayasan Murni.  
3. Membeli dan membina bilik komputer untuk Yayasan Murni.

Di samping menyaksikan pertandingan futsal berbagai acara disediakan.

Antaranya:

- Teku Bola
- Jualan Lelong
- Bergambar bersama Mawi, Faizal Tahir, Mila dan bintang-bintang Akademik Fantasia.
- Hidangan KFC, Domino dan Burger King dengan potongan harga istimewa.

17 Iklan di atas mengajak kita menyertai ...

- A jualan lelong
- B menjadi ahli Yayasan Murni
- C permainan Futsal
- D nyanyian bersama bintang-bintang Akademik Fantasia

18 Yayasan Murni adalah ...

- A rumah untuk anak-anak yatim
- B pasaraya baharu
- C rumah untuk warga tua
- D bilik komputer

19 Maksud perkataan *penyelenggaraan* dalam iklan di atas adalah?

- A mengurus



- B** membina
- C** membaik pulih
- D** merancang

**20** Pernyataan di bawah adalah benar **kecuali ...**

- A** Yayasan Murni tidak mempunyai bilik komputer.
- B** Mc Donald tidak akan menyediakan hidangan pada hari tersebut.
- C** KFC akan memberi makanan secara percuma pada hari tersebut.
- D** Penyertaan adalah terbuka.